

30 SEP 2000

Mahathir-Haji (Globalisasi)/I

GLOBALISASI AKIBATKAN NEGARA MISKIN HILANG KUASA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Malaysia menentang bentuk globalisasi Barat disebabkan dalam proses globalisasi, negara-negara miskin akan kehilangan kuasa terhadap dasar mereka sendiri dan ekonomi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Dalam proses itu, kami akan kehilangan kedaulatan kami, kuasa kami terhadap dasar kami sendiri, ekonomi kami... dan disebabkan inilah Malaysia menentang bentuk globalisasi sedemikian," katanya.

Semasa menjawab soalan pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Panduan Haji yang pertama di sini, Dr Mahathir berkata globalisasi pada asasnya ialah satu rekaan negara-negara yang amat kaya di Barat.

Negara-negara itu, katanya akan menjustifikasinya dengan berkata bahawa disebabkan komunikasi yang bertambah baik dari segi pengedaran dan pergerakan maklumat, modal dan kepandaian mereka akan dilaburkan di negara miskin untuk mengkayakan mereka (negara miskin).

Beliau berkata pada mulanya Malaysia memikirkan bahawa mengkayakan negara miskin adalah mesej sebenar globalisasi tetapi dipaksa mengkajinya semula ketika ia melalui tempoh sukar selepas Barat menarik keluar modal mereka dan ringgit Malaysia turun nilai.

"Kami melalui tempoh yang amat sukar apabila modal mereka ditarik keluar daripada negara ini dan mata wang kami turun nilai kerana mereka berkata modal dalam dunia globalisasi boleh merentasi mana-mana sempadan tanpa sebarang sekatan daripada mana-mana kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan itu menyebabkan Malaysia menjadi miskin.

"Apabila kita melihat itu, kita perlu meneliti semula tentang apa lagi yang mereka masukkan di bawah globalisasi," katanya walaupun tidak sampai menasihatkan negara-negara Islam supaya berwaspada terhadap globalisasi yang disokong oleh negara-negara kaya.

Beliau ditanya mengenai apakah nasihatnya kepada negara-negara Islam dalam menghadapi cabaran dan kesan era globalisasi terhadap masyarakat Islam.

Dr Mahathir berkata Malaysia berpendapat bahawa negara-negara kaya mahukan industri mereka menguasai seluruh dunia dengan mendakwa mereka lebih cekap.

Negara-negara berkenaan katanya mahu pergi ke mana-mana negara tanpa sebarang sekatan dan mengambil alih bank-bank serta industri, dengan menegaskan mereka mampu untuk menguruskan perniagaan dengan lebih cekap dan kemudian akan memulangkannya kepada negara-negara miskin.

Dr Mahathir berkata di mata para penyokong bentuk globalisasi Barat ini, hanya wang dan modal mereka patut dibenarkan melepasi sempadan dan bukannya penduduk daripada negara-negara miskin pergi ke negara-negara kaya.

"Kami mencadangkan kepada mereka bahawa sedang wang merupakan modal mereka, bagi kami, rakyat adalah modal kami.

"Jadi adakah mereka terima bahawa jika tiada lagi sempadan, rakyat sepatutnya lebih bebas bergerak tanpa sekatan...bukan semata-mata wang, tetapi rakyat (juga) patut dibenarkan menyeberangi sempadan sebebannya?" tanya beliau.

Dr Mahathir berkata orang Barat sedemikian menentang terhadap cadangan bahawa mungkin kira-kira 300 juta warga China dan 200 juta rakyat India

patut dibenarkan berhijrah ke Eropah.

"Itulah globalisasi kerana tiada lagi terdapat sempadan, tetapi kata mereka tidak, hanya (melibatkan) wang, hanya modal...sebab itulah kami menentang," katanya.

Mengenai pentingnya perancangan bagi memperbaiki masyarakat Islam di seluruh dunia, Dr Mahathir berkata kemampuan merancang dan melaksanakannya bukanlah merupakan monopoli dunia Barat atau negara-negara kaya.

"Semua orang boleh merancang dan jika kita serius, kita juga boleh melaksanakan rancangan itu," katanya memberikan contoh rancangan pembangunan lima tahun Malaysia.

"Di Malaysia kami sentiasa merancang ekonomi kami, setiap lima tahun akan diadakan rancangan lima tahun. Kami mempunyai rancangan jangka panjang 20 tahun dan kini kami mempunyai rancangan wawasan 30 tahun bagi tahun 2020," katanya.

Perdana Menteri berkata dengan merancang membolehkan Malaysia menggunakan sumbernya secara cekap.

"Dan telah terbukti bahawa jika kita merancang dengan betul, dan ia merupakan sesuatu yang kita semua boleh lakukan dan bukan hanya orang Eropah, kita boleh mencapai apa yang masyarakat Eropah boleh capai," katanya.

-- BERNAMA
MNY MAM RON